

Mesej Tiga

**Pengalaman Percayawan terhadap Kurnia Tuhan
dalam Ekonomi Tuhan
Berkonsumasi dalam Gereja
sebagai Tubuh Kristus yang Organik**

Bacaan Bible: Yoh. 1:16; Roma 12:6; 1 Kor. 1:2-4; 2 Kor. 13:14; Gal. 6:18;
Ef. 4:7, 29; Flp. 4:23; Wahi 22:21

- I. Kehidupan percayawan Wasiat Baru di bawah kurnia dalam ekonomi Tuhan ialah kehidupan menyeluruh yang mengalami Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi sebagai kurnia—Gal. 6:18; Ibr. 4:16; Wahi 22:21:**
 - A. Kehidupan orang Kristian harus merupakan kehidupan kurnia, pengalaman kurnia; kehidupan Kristian kita secara esensialnya ialah kehidupan yang mempunyai Tuhan sebagai kurnia kita—2 Kor. 1:12.
 - B. Kehidupan yang menyeluruh bermaksud bahawa seluruh kehidupan kita ialah kehidupan Tuhan Tritunggal terproses menjadi kurnia kepada kita—13:14.
 - C. Roh majmuk bergerak dalam kita setiap hari sebagai pengurapan supaya kita dapat menikmati Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai kurnia—1 Yoh. 2:20, 27.
 - D. Kurnia Tuan Yesus Kristus, Roh kurnia, ada bersama dengan roh kita, yang telah dilahirukan untuk menjadi tempat huni dan wadah Tuhan Tritunggal—Ibr. 10:29b; Gal. 6:18; Flp. 4:23; Flm. 25; 2 Tim. 4:22.
 - E. Kita ialah orang yang telah menerima kurnia, yakni Tuhan Tritunggal—Bapa diberi kepada kita dalam Anak, dan Anak direalisasikan sebagai Roh itu yang huni dalam roh kita—1 Kor. 15:45b; 6:17.
 - F. Oleh sebab kita ialah pekudus, kurnia Tuan harus berada bersama dengan setiap daripada kita dalam setiap aspek kehidupan harian kita—Flp. 4:23; Ef. 4:7.
- II. Gereja yang sebenar adalah berdasarkan kurnia yang diberi kepadanya dalam Kristus Yesus—1 Kor. 1:2-4:**
 - A. Kurnia Tuhan diberi kepada gereja bukan berdasarkan kerohanian atau keadaan gereja.
 - B. Kurnia Tuhan sendiri ialah dasar gereja—16:23.
 - C. Dalam 1 Korintus 1:4, Paulus bersyukur kepada Tuhan berdasarkan berian kurnia yang diberi kepada gereja dalam Kristus Yesus.
 - D. Gereja berdiri di atas dasar kurnia supaya dapat menerima kurnia dengan lebih lanjut—Wahi 22:21.
 - E. Kita telah menerima kurnia sebagai dasar kita, dan kita berdiri di atas kurnia, bukan berdasarkan atribut, virtu, atau keunggulan kita; oleh itu, kita layak menerima lebih banyak kurnia, malah kurnia atas kurnia—Yoh. 1:16.
- III. Konsumasi pengalaman percayawan terhadap kurnia Tuhan dalam ekonominya ialah gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik—1 Kor. 12:12-13, 27; Ef. 1:6-8, 22-23:**
 - A. Kurnia ialah Tuhan Tritunggal yang beredar untuk mendispenkan segala apanya Dia ke dalam kita demi kenikmatan kita; seluruh kehidupan gereja bergantung pada kurnia sebagai peredaran Triniti Divin dalam kita—1 Ptr. 5:10; Kis. 4:33; 2 Kor. 8:1; 13:14.
 - B. Kehidupan yang praktikal dan pembinaan Tubuh Kristus terhasil daripada kenikmatan dalaman terhadap kurnia Tuhan—1 Kor. 1:9; 2 Kor. 13:14.
 - C. Setiap bahagian Tubuh Kristus yang organik ialah hasil daripada kurnia Tuhan dalam ekonomi Tuhan—Roma 12:4-6a.
 - D. Dalam Tubuh, kita mempunyai berian yang berbeza menurut kurnia yang telah

diberi kepada kita dan yang merupakan hasil kenikmatan kita terhadap kurnia Kristus—ay. 6:

1. Kurnia ini ialah Tuhan dalam Kristus sebagai elemen divin yang masuk ke dalam diri kita untuk menjadi hayat kita bagi kita nikmati—Yoh. 1:16; 2 Kor. 13:14.
 2. Apabila kurnia ini masuk ke dalam kita, kurnia ini membawa elemen ke-mahiran dan kebolehan rohani tertentu, bersama dengan pertumbuhan kita dalam hayat, berkembang menjadi berian dalam hayat, agar kita dapat ber-fungsi dalam Tubuh Kristus untuk melayan Tuhan—Roma 12:6-8.
 3. Dalam Roma 12:6, berian berbeza menurut kurnia; dalam Efesus 4:7, kurnia diberi menurut berian:
 - a. Kurnia ialah hayat divin yang menghasilkan dan membekalkan berian.
 - b. Dalam Roma 12, kurnialah yang menghasilkan berian; oleh itu, berian adalah menurut kurnia.
 - c. Dalam Efesus 4, kurnia adalah menurut berian, iaitu menurut ukuran berian.
- E. Dalam gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik, kita tidak harus membenarkan kata-kata korup keluar dari mulut kita, “sebaliknya, hanya ucapan apa yang baik untuk membina, menurut keperluan, agar dapat memberi kurnia kepada mereka yang mendengar”—ay. 29:
1. Kata-kata kita seharusnya menyampaikan kurnia, yakni Kristus sebagai ke-nikmatan dan bekalan kita, kepada orang lain—2 Kor. 13:14; Roma 16:20; 1 Kor. 16:23; Gal. 6:18.
 2. Kata-kata yang membina orang lain selalunya meministerkan Kristus sebagai kurnia kepada pendengar—Ef. 4:29.

IV. Dalam Efesus 3:2, dutus Paulus mengatakan bahawa penyelenggaraan kurnia telah diberi kepadanya untuk anggota Tubuh—5:30:

- A. Dalam Efesus 3:2 dan 9, Paulus menggunakan perkataan Yunani *oikonomia*; dalam ayat 9, perkataan ini merujuk kepada ekonomi Tuhan, dalam ayat 2 pula, perkataan ini merujuk kepada penyelenggaraan dutus.
- B. Penyelenggaraan kurnia Tuhan telah diberi kepada kita supaya kita dapat hidup dan melayan demi pembinaan Tubuh Kristus—ay. 2-7:
 1. Penyelenggaraan kurnia bertujuan mendispenkan kurnia Tuhan kepada umat pilihan-Nya untuk menghasilkan dan membina gereja sebagai Tubuh Kristus—1 Kor. 4:1-2.
 2. Ministri dutus berasal daripada penyelenggaraan ini; dia penyelenggara dalam rumah Tuhan untuk meministerkan Kristus sebagai kurnia Tuhan kepada keluarga Tuhan—9:17.
 3. Ministri Paulus bertujuan mendispenkan kekayaan Kristus sebagai kurnia kepada percayawan untuk kenikmatan mereka—Ef. 3:8.
 4. Ekonomi Tuhan ada pada Tuhan sendiri, tetapi penyelenggaraan kurnia bukan hanya diberi kepada Paulus seorang; penyelenggaraan ini telah diberi kepada semua percayawan.
 5. Penyelenggaraan kurnia bersifat universal; demi Tubuh Kristus, semua peku-dus mempunyai penyelenggaraan kurnia menurut ekonomi Tuhan—ay. 2, 9.